



SOALAN LAZIM FREQUENTLY ASKED QUESTIONS



TID
ROLLOVER

1. Apakah yang dimaksudkan dengan TID?

TID atau Token Identifier Date digunakan untuk menentukan jika token (nombor kredit 20-digit) sudah digunakan atau belum. Apabila meter menerima token, meter akan menyimpan Pengecam Token (TID) tersebut untuk memastikan token yang sama tidak boleh digunakan lebih daripada sekali.

What is TID?

TID or Token Identifier Date is used to determine if a token (the 20-digit credit number) has already been used in a prepayment meter. When a meter accepts a token, it stores its identifier (TID) to ensure that the same token cannot be used more than once.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan TID Rollover?

Pada 24 November 2024, semua memori Pengecam Token (TID) meter elektrik Standard Transfer Specification (STS) akan ditetapkan semula kepada sifar. Meter prabayar STS ini tidak lagi dapat menerima Tambah Nilai Token (samada yang dibeli melalui Kaunter DES, Powerkad, Perbankan Dalam Talian dan Mesin Deposit Tunai (CDM)). Token yang dijana selepas 24 November 2024 akan ditolak oleh meter prabayar STS ini, kerana ia akan diiktiraf sebagai token yang sudah mansuh.

What is the TID Rollover?

On 24th November 2024, all Standard Transfer Specification (STS) prepaid electricity meter's Token Identifier (TID) stack memory will reset to zero. These prepaid STS meters will no longer accept Token Top Up (purchased via DES Counters, Powerkad, Online Banking, and Cash Deposit Machine (CDM)). Tokens generated after 24th November 2024 will be rejected by these STS meters, as they will be recognised as outdated tokens.

3. Siapakah yang akan terjejas oleh TID Rollover?

Semua pengguna STS Meter diseluruh dunia termasuk di Negara Brunei Darussalam akan terjejas pada 24 November 2024. Meter STS Legacy Electric di Brunei Darussalam yang terjejas ialah meter jenama **Plessey**, **INHE** dan **STAR**.

Who will be affected by the TID Rollover?

All STS Meter users globally and in Brunei Darussalam will be affected on 24th November 2024. The affected STS Legacy Electric meters in Brunei are **Plessey**, **INHE**, and **STAR** Meters.



4. Saya telah membaca dilaman sesawang www.tidrollover.com bahawa penukaran meter adalah tidak perlu, adakah ia benar?

Jika jenama meter awda ialah **Inhe**, **Plessey** dan **Star**, adalah dimestikan untuk menggantikan meter awda kerana meter ini akan terjejas oleh TID Rollover. Secara dasarnya, **semua** meter elektrik yang sedia ada di Negara Brunei Darussalam akan digantikan dengan meter pintar USMS secara berperingkat. Meter pintar USMS tidak menggunakan token dan oleh itu **tidak** akan terjejas oleh TID Rollover. Sehubungan itu, pihak Syarikat DST Network Sdn. Bhd. (DSTN) dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) telah melancarkan program penggantian mandatori meter pintar USMS bagi memastikan bekalan elektrik yang berterusan kepada pelanggan. Semua penggantian meter pintar adalah **percuma**.

I have read at www.tidrollover.com website that there is no need to change the meter, is it true?

If your meter brand is of **Inhe, Plessey, and Star**, it is compulsory to replace your meters because these meters are affected by the TID Rollover. Eventually, **all** existing electricity meters in Brunei Darussalam will be replaced with USMS smart meters. The USMS Smart meters do not run on **token based** and therefore will **not** be affected by the TID Rollover. In this regard, DST Network Sdn. Bhd (DSTN) and the Department of Electrical Services (DES) have rolled out a mandatory national USMS smart meter replacement program to ensure continuous electricity supply to the customers. All smart meter replacement will be **free of charge**.

5. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak JPE bagi menangani isu TID Rollover?

Pihak JPE bekerjasama rapat dengan pihak DSTN, selaku pelaksana projek ini, dalam memastikan program penggantian mandatori tersebut berjalan dengan lancar.

What steps are taken by DES to mitigate the TID Rollover issue?

DES is collaborating closely with DSTN, as the implementer of this project, to ensure the mandatory replacement program runs smoothly.

6. Apakah yang berlaku jika saya tidak menggantikan meter elektrik prabayar saya yang pada masa ini kepada meter elektrik pintar USMS?

Jika awda tidak menggantikan meter elektrik prabayar awda, awda tidak akan dapat menambah nilai (top-up) meter prabayar awda dan akan mengakibatkan gangguan bekalan elektrik kerumah/premis awda. Meter prabayar elektrik pada masa ini hanya boleh menerima token tambah nilai PowerKad sehingga **23 November 2024** sahaja.

What happens if I do not replace my current prepaid electricity meter to USMS Smart Electric Meter?

If you do not replace your current prepaid electricity meter, you will not be able to top-up your prepaid meter and will result in interruption of electricity supply to your home/premise. The current prepaid electricity meter can only accept PowerKad top up tokens until **23rd November 2024**.

7. Apakah yang akan berlaku kepada token tambah nilai PowerKad saya pada dan selepas 24 November 2024?

Token tambah nilai PowerKad awda tidak akan dapat dimasukkan kedalam meter elektrik prabayar pada dan selepas 24 November 2024. Semua token tambah nilai PowerKad yang sudah dibeli hendaklah digunakan sebelum 24 November 2024. **Token PowerKad yang belum digunakan sebelum 24 November 2024 tidak akan diganti.**

Walaupun bagaimanapun, baki kredit meter awda yang sedia ada tidak akan terjejas sepanjang proses ini.

What will happen to my PowerKad Token Top Up on and after 24th November 2024?

Your PowerKad Top Up Token will not be able to be used on your current prepaid electricity meter on and after 24th November 2024. All PowerKad top up token purchased must be used before 24th November 2024. **Unused PowerKad Token will not be refunded.**

Nevertheless, your existing electricity meter credit balance will remain unaffected throughout this process.

8. Bolehkah meter saya digantikan dengan meter bukan pintar?

Tidak, kerana meter bukan pintar menggunakan sistem berasaskan token yang akan terjejas oleh TID Rollover. Meter pintar USMS tidak menggunakan token dan tidak akan terjejas oleh TID Rollover. Sehubungan itu, pihak DSTN dan JPE telah melancarkan program penggantian mandatori meter pintar USMS bagi memastikan bekalan elektrik yang berterusan kepada pelanggan. **Semua penggantian meter pintar adalah percuma.**

Can my meter be replaced with a non-smart meter?

No, because non-smart meters use a token-based system which will be affected by the TID Rollover. USMS smart meters do not run on a token based and therefore will not be affected by the TID Rollover. In this regard, DSTN and DES have rolled out a mandatory national USMS smart meter replacement program to ensure continuous electricity supply to the customers. **All smart meter replacement will be free of charge.**

9. Mengapakah kakitangan JPE memeriksa dan mengemas kini perisian meter STAR sedangkan penggantian kepada meter pintar USMS adalah mandatori?

Pengemaskinian perisian meter STAR hanyalah sebagai langkah kontingensi jangka pendek bagi menangani peralihan TID. Meter STAR yang telah dinaiktaraf juga akan digantikan dengan meter pintar USMS.

Why do I see DES personnel checking and updating STAR meter firmware when it is compulsory to change to USMS smart meter?

Updating the STAR meter firmware is only a short-term contingency measure to deal with the TID transition. The upgraded STAR meters will also be replaced with USMS smart meters eventually.

10. Adakah benar orang ramai membayar lebih tinggi daripada biasa semasa menggunakan meter USMS berbanding apabila menggunakan meter prabayar sebelumnya?

Tidak benar. Tiada perubahan pada tarif elektrik bagi pelanggan yang menggunakan meter pintar USMS. Tarif elektrik masih sama seperti menggunakan meter prabayar sebelumnya.

Jika ada berlakunya penggunaan/pembayaran yang tidak normal, pihak JPE menyarankan agar pengguna membuat laporan atau berhubung terus dengan JPE.

Is it true that people are paying more when using USMS meters than they used to when using the previous prepaid meters?

It is not true. There is no change in electricity tariff for USMS meter users. The electricity tariff remains the same as the previous prepaid electricity meters.

Should there be any abnormalities in electricity usage/payment, it is recommended that the customers make a report or contact the DES directly.

11. Saya percaya bahawa meter pintar USMS telah membuat pengecasan salah pada akaun saya. Bagaimanakah pihak JPE boleh membantu untuk mengesahkan perkara ini?

Awda boleh terus menghubungi DSTN melalui talian 7399889 atau 7399899. Pihak JPE boleh memberikan maklumat mengenai penggunaan elektrik awda sebelum ini kepada DSTN untuk mengesahkan samada pembelian token meter prabayar lama adalah sama dengan pembelian token meter elektrik pintar USMS.

JPE juga mengalu-alukan pelanggan untuk datang ke Bangunan Ibu Pejabat JPE di Berakas, Cawangan JPE Daerah Tutong, Cawangan JPE Seria, Cawangan JPE Daerah Belait, dan Cawangan JPE Daerah Temburong untuk mengesahkan sama ada awda mempunyai baki tertunggak daripada akaun sebelum ini yang menyebabkan kredit elektrik meter pintar awda dipotong.

I genuinely believe that USMS Smart meters is charging me incorrectly. How can DES help to verify this matter?

You can contact DSTN at 7399889 or 7399899 directly. DES can provide information about your previous electricity usage to DSTN to confirm whether the purchase of your old prepaid meter token is the same as the purchase of your USMS smart electricity meter token. DES also welcomes the customers to visit DES Headquarters Building, Berakas, DES Tutong, DES Seria, DES Belait, and DES Temburong to verify whether you have outstanding from your previous account which is causing your electricity smart meter credit to be deducted.

12. Adakah terdapat sebarang perubahan dalam tarif elektrik jika saya bertukar kepada meter pintar USMS?

Tiada perubahan dalam tarif elektrik apabila menggunakan meter pintar USMS.

Is there any change in the electricity tariff if I change to USMS smart meter?

There is no change in electricity tariff when using the USMS smart meter.

13. Siapa yang boleh saya hubungi jika jenama meter saya ialah Inhe, Plessey dan Star?

Sila imbas kod QR dalam risalah ini. Pelanggan juga boleh menghubungi Talian DSTN 7396051/2/3 untuk mendaftar bagi program penggantian meter pintar.

Who do I contact if my meter brand is of Inhe, Plessey and Star?

Please scan the QR code in the fliers. Customers may also contact DSTN Hotline at 7396051/2/3 to register for the smart meter replacement program.

14. Apakah yang akan berlaku kepada baki kredit meter prabayar saya yang sebelum ini selepas bertukar kepada meter pintar USMS?

Baki kredit daripada akaun meter prabayar awda sebelum ini akan dipindahkan ke akaun meter pintar USMS awda.

What will happen to my previous prepaid meter credit balance after switching to a USMS smart meter?

The remaining credit from your previous prepaid meter account will be transferred to your USMS smart meter account.

15. Mengapakah terdapat kelewatan pada pemindahan baki kredit elektrik dari meter prabayar lama?

Kelewatan pemindahan baki kredit meter prabayar yang lama mungkin berlaku disebabkan oleh pelbagai factor. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk menghubungi DSTN dengan segera untuk menyemak status pemindahan baki kredit dengan menghubungi DSTN di contact.usms@datastream.bn atau talian hotline DSTN di 7399889 / 7399899.

Pada lazimnya, tempoh pemindahan baki kredit meter prabayar elektrik yang lama ke akaun meter pintar USMS adalah seperti berikut:

- **Tiga (3) hari waktu bekerja** untuk baki kredit **dibawah 10,000 kWh;**
- Sekurang-kurangnya **dua (2) minggu** untuk baki kredit **melebihi 10,000 kWh.**

Why is there a delay in the transfer of electricity credit balance from the old prepaid meter?

There may be a delay due to various reasons and customers are advised to contact DSTN immediately to check on the status of the legacy credit transfer simply by contacting DSTN at contact.usms@datastream.bn or call DSTN hotline at 7399889 / 7399899.

Normally, the period for transferring old electricity prepaid meter credit balance to USMS smart meter account is as follows:

- **Three (3) working days for credit balance** below 10,000 kWh;
- At least **two (2) weeks** for credit balance of **more than 10,000 kWh.**

16. Jika saya mempunyai lebih bayaran pada bil meter air saya sebelum ini, apakah yang akan berlaku kepada lebih bayaran tersebut?

i. Untuk rumah kediaman:

- Jika jumlah lebih bayaran tersebut **melebihi BND6.00**, awda bolehlah datang ke pejabat Jabatan Perkhidmatan Air berdekatan **untuk memohon bayaran balik**.
- Jika jumlah lebih bayaran tersebut **dibawah BND6.00**, jumlah tersebut akan dipindahkan secara automatik ke akaun meter pintar air awda.

ii. Untuk premis komersial:

- Sebarang jumlah lebih bayaran akan dipindahkan secara **automatik ke akaun Meter Air Pintar awda**.

If I have an overpayment on my water bill, what will happen to it?

i. For residential:

- If the amount of excess payment **exceeds BND6.00**, you may visit the nearest Water Services Department office **to apply for a refund**.
- If the amount of the excess payment is **below BND6.00**, the amount will be **automatically transferred to your smart water meter account**.

ii. For commercial:

- Any amount of excess payment will be **automatically transferred** to your smart water meter account.

17. Di manakah saya boleh membeli kredit USMS?

Kredit USMS boleh dibeli melalui:

- i. Aplikasi USMS;
- ii. Portal Web USMS (www.usms.com.bn);
- iii. Kaunter Incomm (Kiulap Store di Shakirin Complex, Latifuddin Store di Latifuddin Complex, Samsung Experiences Store di Abdul Razak Complex Blok D, The Mall Store di Tingkat 2 dan Seria Store di Marina Theatre, Seria).

Where can I purchase USMS credit?

USMS credit can be purchased through the following:

- i. USMS Apps;
- ii. USMS Web Portal (www.usms.com.bn);
- iii. Incomm Counter (Kiulap Store at Shakirin Complex, Latifuddin Store at Latifuddin Complex, Samsung Experiences Store at Abdul Razak Complex Block D, The Mall Store at Level 2 and Seria Store at Marina Theatre, Seria).

18. Berapa lamakah masa yang diambil untuk menukar meter prabayar lama kepada meter pintar USMS?

Penukaran meter pintar USMS hanya akan mengambil masa selama 20 - 30 minit sahaja.

How long does it take for the old prepaid meter to be replaced to USMS Smart Electric meter?

It only takes 20 - 30 minutes to replace the meter.

19. Mengapa kita perlu mendaftar sedangkan penggantian USMS adalah diwajibkan?

Ini adalah bagi melancarkan lagi proses penggantian meter pintar USMS. Pelanggan-pelanggan yang telah mendaftar akan diberi keutamaan di dalam jadual penggantian.

Why do we need to register when the replacement is already made mandatory?

This is to further expedite the USMS smart meter replacement process. Registered customers will be given priority in the replacement schedule.

20. Bolehkah penyewa mendaftar untuk penukaran meter pintar USMS bagi premis yang disewanya?

Boleh, bagaimanapun penyewa hendaklah mendaftarkan nama pemilik dengan menghubungi Talian DSTN 7396051/2/3 atau datang ke DSTN HQ dengan menyediakan kad pintar dan bukti penyewaan setelah meter ditukar.

Can tenants register for USMS smart meter conversion for the premises they rent?

Yes, however the tenant must register the name of the owner by calling DSTN Line 7396051/2/3 or come to DSTN HQ by providing a smart card and proof of tenancy after the meter is changed.

21. Bagaimanakah pemilik premis mendaftar untuk penukaran meter pintar USMS bagi premis yang disewakan?

Pemilik premis hendaklah berada dipremis tersebut semasa penukaran meter pintar USMS. Bagaimanapun, pemilik premis hendaklah mendaftarkan nama penyewa dengan menghubungi Talian DSTN 7396051/2/3 atau datang ke DSTN HQ dengan menyediakan kad pintar dan bukti penyewaan setelah meter ditukar.

How does premise owners register for USMS smart meter conversion for rented premises?

The owner of the premises must be at the premises during the USMS smart meter conversion. However, the premise owner should register the name of the tenant by calling DSTN Line at 7396051/2/3 or come to DSTN HQ with a copy of tenant's smart identity card and proof of tenancy after the meter has been changed.

22. Bagaimanakah cara saya mendaftar untuk penggantian meter USMS?

Sila imbas Kod QR di bawah untuk mendaftar. Pelanggan berdaftar akan dimaklumkan lebih awal (satu atau dua hari lebih awal) sebelum pemasangan mengunjungi rumah/premis mereka untuk memastikan pemilik berada di rumah/premis apabila meter pintar dipasang.

How do I register and what is the process of the replacement?

Please scan the QR Code to register. Registered customers will be notified in advance (one or two days in advance) before the installers visit their houses/premises to make sure the owners are at home/premise when the smart meter is installed.



